

PM beri syarat hadir Apec

BH 1 - OCT 1993
Daripada Sharom Suboh

NEW YORK, Khamis — Perdana Menteri, ~~Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sedia menghadiri sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Seattle, November ini jika ahli Apec menerima Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) seperti yang dicadangkan.~~

Beliau menegaskan, ahli Apec harus jelas dan tegas dalam menerima kewujudan EAEC.

"Bagi ahli Apec yang masih belum mengambil keputusan menerima kewujudan EAEC, sebenarnya mereka masih menimbangkannya," katanya menjawab pertanyaan peserta di majlis pelancaran program memperkenalkan Bursa Saham Kuala Lumpur di sebuah hotel di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata, ketika ini beliau tidak mempunyai rancangan menghadiri sidang kemuncak itu dan ahli Apec yang lain mungkin hadir untuk melihat apa yang berlaku.

"Apabila mereka sudah mengambil keputusan menerima EAEC sebagaimana yang dicadangkan, maka tidak ada masalah bagi saya untuk hadir di Seattle," katanya.

Pada mesyuarat Menteri-Menteri Luar Asean di Singapura baru-baru ini, keputusan dibuat untuk menubuhkan EAEC dan di kalangan kumpulan Apec, EAEC sepatutnya berfungsi sebagai badan perundingan.

Perdana Menteri berkata, EAEC juga boleh berfungsi di luar kumpulan Apec tetapi apabila ahli EAEC pada masa yang sama menjadi anggota Apec juga boleh berfungsi sebagai badan perundingan.

"Perkara itu sudah diputuskan dan dialu-alukan oleh negara-negara seperti Jepun dan Korea Selatan dan kita sedang bekerja ke arah merasmikan dan mewujudkan EAEC," katanya.

Katanya, EAEC akan bekerjasama dengan kumpulan Apec tetapi adalah amat jelas sekali sebagai satu forum ia tidak mampu untuk membincangkan masalah dan kepentingan bersama.

"Oleh itu, EAEC boleh mewakili satu barisan yang bersatu ketika mengambil bahagian dalam forum seperti Perjanjian Am Tarif dan Perdagangan (GATT)," katanya.

Mengenai dasar telekomunikasi yang dibangkitkan oleh seorang lagi peserta, Dr Mahathir menjelaskan bahawa ketika ini kerajaan belum berancang mewujudkan satu lagi rangkaian telekomunikasi.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan sedia menimbang cadangan itu jika ada syarikat luar berkemampuan dari segi modal dan pemindahan teknologi pada masa depan.

Menurutnya, kerajaan tidak berca-

Amerika mahu PM hadiri sidang Seattle

31 OCT 1993

DARI MUKA 1

dang membuka satu lagi rangkaian telekomunikasi kerana mahu melihat Telekom Malaysia Bhd berkembang dan maju.

Perdana Menteri juga ditanya mengenai kemajuan yang dicapai oleh kerajaan dalam pelaksanaan dasar penswastaan, Dasar Ekonomi Baru (DEB) serta perlumbaan senjata di kawasan rantau Asia Tenggara.

Mengenai dakwaan berlaku perlumbaan senjata di rantau itu, Dr Mahathir menafikannya dan menegaskan bahawa bagi Malaysia, langkah membeli pesawat baru bagi tentera bertujuan menggantikan pesawat yang usang.

Menurutnya, pesawat F-5E yang dimiliki sudah dimakan usia dan digunakan sejak 15 tahun lalu. Dr Mahathir bertanya apakah ia tidak wajar ditukar sedangkan tidak ada yang mempersoalkan pembelian pesawat F-16 Falcon oleh Singapura.

"Begitu juga Jepun dan Jerman yang membelanjakan satu peratus untuk ketenteraan sedangkan nilai satu peratus yang digunakan sejak lama dulu berbeza dengan satu peratus sekarang," katanya.

Sementara itu, satu sumber rasmi memberitahu *Bernama*, Amerika ingin sangat supaya Dr Mahathir hadir pada sidang kemuncak di Seattle. Pemimpin Apec dilaporkan sudah menerima jemputan Presiden Bill Clinton itu.

Dr Mahathir memberitahu pengurus kewangan dan pelabur bahawa EAEC, yang diterima oleh Jepun dan Korea Selatan, boleh berfungsi di dalam Apec sebagai satu forum yang membincangkan kepentingan bersama "supaya kita boleh mengemukakan barisan hadapan yang bersatu ketika menyertai GATT atau forum yang lain."

Mereka yang hadir sebanyak 60 orang itu kelihatan tahu mengenai Malaysia dan menyedari dasar seperti DEB. Mereka berminat mengetahui lebih mendalam mengenai Malaysia dan tertarik dengan cara Perdana Menteri yang begitu cepak menjawab soalan.